

Anwar terima anugerah berprestij GIFA

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kepimpinan Kewangan Islam Global 2025.

Anugerah berprestij itu disampaikan oleh Pengerusi Global Islamic Finance Awards (GIFA) 2025, Prof Humayon Dar dalam satu majlis berprestij di sini, semalam.

Anwar menyifatkan penghargaan diberikan itu bukan hanya untuknya, tetapi untuk seluruh wira di sebalik tabir yang bekerja keras, berkorban masa dan tenaga demi memastikan sistem kewangan Islam terus berkembang.

Justeru, beliau melahirkan kesyukuran dapat bersama untuk meraikan penggerak, pengasas dan rakan yang menjayakan institusi kewangan negara dan melakar satu kerangka perbankan dan kewangan Islam yang bertapak segar.

“Saya percaya penghargaan ini kepada mereka semua dan saya hanya satu wakil kecil menerima kepada semua penggerak yang berjasa berkhidmat jauh lebih handal dan bermakna daripada apa yang saya laku-



Anwar menerima Anugerah Kepimpinan Kewangan Islam Global 2025 daripada Humayon di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

kan,” katanya selepas menerima anugerah berprestij itu.

Di sebalik penghormatan itu, Perdana Menteri mengingatkan ada satu cabaran yang besar untuk terus mengangkat keupayaan kewangan Islam agar benar-benar menepati kerangka Maqasid Syariah yang memba-

wa keadilan, keseimbangan dan pemerataan peluang.

Beliau berkata, kewangan Islam tidak sepatutnya dilihat hanya sebagai pilihan sampingan tetapi sebagai satu sistem penuh harapan dengan instrumen yang lebih lengkap, menyeluruh dan mampan.